



**BERSAMA BN
HEBATKAN NEGARAKU**



السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Salam sejahtera,

Rakan warganegara yang dikasihi,

Kini telah genap lima tahun sejak pertama kali saya memohon mandat untuk Barisan Nasional. Dari rakyat Kerajaan ini dibentuk, kepada rakyat juga Kerajaan ini harus dikembalikan untuk penilaian.

Selama lima tahun yang lepas, Barisan Nasional telah sedaya upaya melaksanakan Aku Janji 2013. Di sebalik krisis ekonomi dunia, kejatuhan harga minyak dan penyusutan nilai ringgit, kami telah melaksanakan hampir 99.4% janji pilihan raya lalu; selebihnya sedang berada dalam pelaksanaan.

Kami yakin telah memberi perkhidmatan terbaik kepada rakyat dalam perkara keutamaan seperti pendidikan, kesihatan dan keselamatan. Di sebalik peningkatan kos perubatan dunia, Kerajaan kekal mensubsidi hampir 95% kos perubatan rakyat.

Percayalah tidak ada rakyat yang terabai tanpa sebarang bantuan Kerajaan atas sebab kemiskinan. Sebanyak tujuh juta orang menerima bantuan menerusi Bantuan Rakyat 1 Malaysia (BR1M), walaupun sebahagiannya bukan berada dalam kategori miskin.

Selama berdekad terdapat tanggapan bahawa kawasan-kawasan tertentu diabaikan oleh Kerajaan Persekutuan. Kami telah berusaha, menyusun dan mengagihkannya pembangunan yang lebih adil dan menyeluruh dari Perlis sehinggalah ke Sabah. Kini selepas lima tahun, kami percaya perubahan yang dibuat mula menampakkan hasil.

Masa depan negara ini adalah milik kita bersama tanpa mengira etnik, pegangan agama dan kepercayaan, mahupun kedudukan geografi. Justeru sejak setahun

lalu Kerajaan mengadakan ribuan sesi perbincangan dengan pelbagai kelompok rakyat yang berbeza umur, ideologi, latar pendidikan, kedudukan geografi, etnik dan agama bagi merangka Dasar Transformasi Nasional 2050 (TN50). Kami mahu masa depan negara ini dicorak dan ditentukan secara bersama dengan rakyat.

Mandat akan datang adalah untuk masa depan kita. Barisan Nasional bukanlah sebuah Kerajaan yang sempurna tanpa cacat cela. Namun kami telah melaksanakan banyak pembaharuan dan perubahan sesuai dengan kehendak rakyat. Atas kesedaran itu, saya memohon kepada rakan warganegara yang dikasihi agar menilai prestasi Kerajaan Barisan Nasional secara adil dan menyeluruh.

Manifesto yang dikemukakan hari ini tidak berada di dalam isolasi, tetapi ianya harus dibaca bersama Rancangan Malaysia Kesebelas (RMK-11), Transformasi Nasional 2050 (TN50) dan bajet-bajet tahunan yang telah dan akan dibentangkan.

Percayalah, undi anda untuk Barisan Nasional adalah mandat untuk kelangsungan kemakmuran, kesejahteraan dan keamanan sebuah negara kecil ini. Semoga Tuhan memberkati kita semua.

BERSAMA BARISAN NASIONAL, HEBATKAN NEGARAKU

Najib Razak
Pengerusi
Barisan Nasional



PAPARAN UTAMA MANIFESTO

“

IBU DAN WANITA... DIKAULAH RATU HATI NEGARAKU

”



Hari ini kita utamakan lagi
peranan ibu dan wanita



Dan pastikan hari esok bertambah
berwibawa dan berkepimpinan

**BARISAN
NASIONAL**



DAHULUKAN RAKYAT

“

KEDIAMAN UNTUK 1 NEGARAKU

”



Hari ini kita bina
rumah untuk semua



Hari esok anak cucu
kita terjamin selesa

**BARISAN
NASIONAL**



DAHULUKAN RAKYAT

“

MENCIPTA 3 JUTA PEKERJAAN

”



Hari ini kita menambah
lagi 3 juta pekerjaan



Hari esok senang
mendapat pekerjaan

**BARISAN
NASIONAL**



DAHULUKAN RAKYAT

“

SENYUMAN BERTAMBAH DI SABAH DAN SARAWAK

”



Hari ini kita perbanyakkan
lagi kemudahan dan peluang



Agar hari esok lebih cerah dan
ceria di Sabah dan Sarawak

**BARISAN
NASIONAL**



DAHULUKAN RAKYAT

“ ASAS PENGANGKUTAN FUTURISTIK HARI ESOK TELAH BERMULA HARI INI ”



Hari ini sistem yang lebih mudah dan selesa



Hari esok pengangkutan futuristik yang pantas

**BARISAN
NASIONAL**



DAHULUKAN RAKYAT

“

PERKASAKAN DIGITAL / ONLINE UNTUK BANTERAS RASUAH

”



Hari ini kita mula menganjak
ke arah *online* dan digital



Hari esok proses
bebas rasuah

**BARISAN
NASIONAL**



DAHULUKAN RAKYAT

“

FIKIR DAN DAHULUKAN BARANGAN DAN PERUSAHAAN MALAYSIA

”



Hari ini kita menggiatkan barangan
dan perusahaan tempatan



Hari esok nama
Malaysia jadi sebutan

**BARISAN
NASIONAL**



DAHULUKAN RAKYAT

“

BR1M LEBIH BARU LEBIH MANTAP

”



BARISAN NASIONAL  **DAHULUKAN RAKYAT**

“

KITA UTAMAKAN EKONOMI HIDUP RAKYAT

”



Hari ini kita tambahkan
pendapatan dompet rakyat



Hari esok lebih ringan
beban kos sara hidup

**BARISAN
NASIONAL**



DAHULUKAN RAKYAT

“

KITA MULAKAN PENDIDIKAN SESUAI MASA DEPAN UNTUK REVOLUSI INDUSTRI 4.0

”



Hari ini kita rangka
pendidikan masa depan



Hari esok kita mampu bersaing
di mana-mana sahaja

**BARISAN
NASIONAL**



DAHULUKAN RAKYAT

“

KITA BINA HIDUP LEBIH SIHAT UNTUK SEMUA

”



Hari ini kita utamakan
cara hidup sihat



Hari esok terjamin
sejahtera berpanjangan

**BARISAN
NASIONAL**



DAHULUKAN RAKYAT

“

AMAN MALAYSIA TENANG DAN LENA TIDUR 1 NEGARAKU

”



Hari ini kita
perkukuhkan keamanan



Agar hari esok kita dapat kekalkan
dengan penuh kebahagiaan

**BARISAN
NASIONAL**



DAHULUKAN RAKYAT

“

JANJI KITA UNTUK ORANG MUDA - TN50

”



Hari ini generasi muda telah
melakarmasa hadapan yang
mereka impikan



2050 akan
menjadi kenyataan

**BARISAN
NASIONAL**



DAHULUKAN RAKYAT

“

KITA MEMPERKENALKAN POLISI PENJAGAAN KANAK-KANAK UNIVERSAL

”



Hari ini kita lancarkan subsidi penjagaan kanak-kanak bawah 6 tahun seluruh Malaysia



Hari esok mereka membesar sebagai pewaris berwibawa negaraku tercinta

**BARISAN
NASIONAL**



DAHULUKAN RAKYAT



**KITA AKAN MEMBANGUNKAN NEGARA KITA DARI
PERLIS SAMPAI KE SABAH AGAR TIDAK ADA
SATU PUN KAWASAN ATAU PERSEORANGAN
YANG KETINGGALAN**



BERSAMA BN HEBATKAN NEGARAKU

**BARISAN
NASIONAL**



DAHULUKAN RAKYAT

3 **AMANAT
PERDANA MENTERI**

22 **EKONOMI KEPERLUAN
RAKYAT**

38 **KEMAMPANAN
DAN KEMAKMURAN
EKONOMI NEGARA**

56 **PERUMAHAN
KEPERLUAN RAKYAT**

69 **PEMACUAN MODAL
INSAN, KECEMERLANGAN
PENDIDIKAN**

86 **KESELAMATAN RAKYAT
KEUTAMAAN KAMI**

105 **MEMBAHAGIA DAN
MENJAYAKAN WANITA
NEGARA**

119 **GENERASI MUDA
PEWARIS MASA HADAPAN**

136 **KESEJAHTERAAN GENERASI
EMAS DAN WARGA
KELAINAN UPAYA**

144 **MEMPERKUKUHKAN
PEMBINAAN NEGARA
BANGSA**

153 **MENGUTAMA
KESEJAHTERAAN SOSIAL
DAN KUALITI HIDUP RAKYAT**

171 **MEMBINA INFRARAKYAT
DAN MENINGKATKAN
KESALINGHUBUNGAN**

189 **MEMPERKUKUH AGENDA
BUMIPUTERA DAN
MEMPERTAHAN KESYUMULAN
ISLAM**

200 **TADBIR URUS YANG BAIK
DAN PENYERTAAN RAKYAT**

209 **MERAIKAN PERBEZAAN
MERAPATKAN JURANG**



**EKONOMI
KEPERLUAN
RAKYAT**



Kami percaya harus ada keseimbangan antara pengurusan ekonomi makro dan ekonomi berasaskan keperluan rakyat. Ekonomi rakyat lebih menjurus kepada keperluan untuk rakyat menikmati gaya hidup yang berkualiti.

Dalam mencapai objektif yang sama, Kerajaan dan rakyat perlu berganding bahu dalam menangani peningkatan kos sara hidup, meningkatkan pendapatan isi rumah, meluaskan peluang pendidikan, pekerjaan dan perniagaan, menambah bilangan rumah mampu milik, memperbanyak latihan kemahiran, dan keusahawanan. Ringkasnya, ia merupakan sebuah ekonomi yang berlandaskan pengalaman seharian rakyat.

Kami percaya untuk meningkatkan kualiti hidup rakyat, pengagihan kemakmuran ekonomi negara perlu sekata dan tertumpu kepada golongan yang lebih memerlukan.

Ini telah kami laksanakan dengan pemberian Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M), pelaksanaan Skim Latihan 1Malaysia (SL1M), peningkatan kadar gaji minimum bulanan dan pelbagai insentif secara langsung kepada petani, nelayan, pekebun kecil, peneroka dan miskin bandar. Inisiatif-inisiatif khas turut diwujudkan untuk membolehkan isi rumah B40 meningkatkan pendapatan mereka.

Justeru dalam tempoh 5 tahun mendatang, kami bertekad untuk meneruskan usaha ini dengan:

01

Meningkatkan gaji minimum pekerja secara berperingkat kepada sekurang-kurangnya **RM1,500** dalam tempoh lima tahun.



02

Menubuhkan *Fair Works Commission* untuk menentukan paras gaji pekerja-pekerja sektor swasta agar lebih setimpal.

03

Mewujudkan sistem maklumat bantuan rakyat Malaysia - **B40 Window** - yang merentasi kementerian, jabatan dan agensi untuk memastikan tiada keciciran, ketirisan atau ketidakadilan dalam pemberian bantuan.





04

Memperkenalkan Pas Pengangkutan Awam TN50 berharga antara RM50 - RM150 yang **memberi akses perjalanan tanpa had sebulan** untuk pelajar, belia bekerja, warga emas dan OKU.

05

Mengurangkan kos langganan jalur lebar sebanyak **50%** berbanding sekarang dan pada masa yang sama meningkatkan **kelajuan jalur lebar** sebanyak **dua kali ganda**.

Ini akan diselenggarakan secara berfasa dan menepati kumpulan sasaran secara berperingkat.

06

Memperkenalkan kadar dividen dan bonus pelbagai peringkat untuk dana pelaburan dan unit dana amanah berkaitan kerajaan seperti PNB, Tabung Haji, LTAT dan GLICs lain (kecuali KWSP) untuk tujuan agihan yang lebih adil.

08

Menambahbaik BR1M berlandaskan **perilaku bersyarat penerima** seperti penglibatan dalam latihan kemahiran dan memastikan anak-anak mendapat imunisasi.

07

Merekayasa ekosistem **ekonomi digital** melalui geran permulaan, dana pembangunan teknologi dan kerjasama pintar syarikat tempatan dengan ikon teknologi luar negara.

Ini ke arah mencapai sasaran sumbangan sektor digital sebanyak **25% daripada Keluaran Dalam Negara Kasar** pada 2023.

09

Meningkatkan kadar pelepasan tahunan cukai pendapatan individu bagi kos perubatan ibu bapa dari RM5,000 kepada RM10,000.

10

Meningkatkan kesejahteraan pekerja yang berpendapatan RM2,500 ke bawah di Syarikat Berkaitan Kerajaan dan Syarikat Pelaburan Berkaitan Kerajaan melalui perluasan perlindungan insuran, pertambahan manfaat kesihatan dan kenaikan elaun kos sara hidup.

11

Memberi insentif khas **RM5,000** kepada setiap peneroka FELDA.

13

Melupuskan hutang pembelian saham FGV peneroka-peneroka FELDA.

15

Memperhebat inisiatif FELDA 2.0 melalui 15 rancangan untuk tahun 2018 dan 2019 dengan peruntukan sebanyak RM300 juta bagi mewujudkan **komuniti pintar** dan **ekonomi setempat** yang lestari.

Inisiatif ini akan diteruskan ke Rancangan FELDA di seluruh negara dan akan memberi manfaat kepada peneroka dan generasi kedua yang bermastautin di Rancangan FELDA.

12

Mewujudkan geran khas tanaman semula sebanyak RM7,500 per hektar bagi setiap peneroka FELDA yang layak selama 5 tahun bermula 2018.

Geran ini dapat mengurangkan hutang tanam semula peneroka-peneroka FELDA sehingga 70%.

14

Memperuntukkan dana khas perlupusan hutang luarbiasa atau ekstrim untuk peneroka-peneroka FELDA yang layak bagi tempoh 5 tahun bermula 2018 berjumlah RM300 juta.

16

Menaikkan harga pengaktifan Insentif Pengeluaran Getah (IPG) demi kebajikan pekebun-pekebun getah.

17

Meningkatkan Bantuan Musim Tengkujuh untuk pekebun-pekebun kecil getah.

18

Meminimakan pembabitan orang tengah dalam hasil tani dan perikanan bagi menurunkan harga makanan asas dan meningkatkan pendapatan petani dan nelayan.

19

Memperluaskan dana Skim Bantuan Tani dan **penanaman semula** untuk pekebun kecil kelapa sawit, getah, koko dan kenaf.

20

Memperuntukkan bantuan khas berjumlah **RM222 juta** untuk peneroka-peneroka FELCRA, KESEDAR dan KETENGAH.

The background of the page is a photograph of a sunset. The sky is filled with horizontal bands of orange, yellow, and purple. The sun is a bright orange circle on the horizon. On the right side, a tall, dark silhouette of a communication tower with several circular antennas is visible against the sky.

21

Meningkatkan kualiti liputan telekomunikasi di seluruh Sabah dan Sarawak dengan peruntukan sebanyak **RM2 bilion**.

22

Menurunkan had maksimum kadar faedah dan caj lewat bayar kad kredit.

23

Meningkatkan kualiti perkhidmatan bas pengantara melalui pengenalan modaliti harga dan saiz bas yang bersesuaian.

24

Memperkasakan kepenggunaan dengan memberi peruntukan langsung kepada persatuan-persatuan pengguna.

25

Meminda Akta Kawalan Harga dan **Anti-Pencatutan** bagi meluaskan kuasa KPDKK untuk bertindak terhadap peniaga-peniaga yang mengambil untung berlebihan.

26

Menyediakan insentif cukai dan dana pembangunan khas bagi menggalakkan jenama terkemuka membantu pertumbuhan usahawan-usahawan kecil.

27

Menangani kemiskinan bandar melalui pembangunan pusat niaga usahawan kecil, pusat niaga trak makanan dan pertanian bandar.

28

Memperkenalkan portal **Orang-E** sebagai sebuah platform untuk rakyat Malaysia meringgitkan bakat dan perkhidmatan dalam pasaran.

29

Memberi pengecualian cukai bagi pendapatan dari penyewaan rumah.

30

Mengurangkan kos pengambilan pembantu rumah asing melalui pengenalan **Sistem Pembantu Rumah Atas Talian**.

31

Menyediakan dana khas RM500 juta bagi menggalakkan inovasi dan pemerksaan usahawan-usahawan Sistem Binaan Berindustri (IBS).

32

Meneruskan usaha mengembangkan sektor Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) untuk membantu usahawan-usahawan kecil dan sederhana kaum Cina dengan memantapkan peranan dan fungsi **Sekretariat Pembangunan Usahawan Malaysia (SAME)**.



**KEMAMPANAN
DAN
KEMAKMURAN
EKONOMI
NEGARA**



Ekonomi Malaysia adalah agenda penting dan mustahak untuk lima tahun yang akan datang. Mandat dan kepercayaan rakyat akan ditatang dengan penuh waspada dan hati-hati. Kesejahteraan rakyat akan hanya mampu kerajaan ini zahirkan melalui perencanaan ekonomi yang jelas, tuntas dan beriltizam tinggi. Kita tidak semudahnya bermain retorik politik dengan agenda ekonomi "100 hari" sahaja.

Program Transformasi Ekonomi (ETP) adalah tunjang kepada Program Transformasi Negara yang mempunyai sasaran yang holistik. Agenda transformasi ekonomi akan diteruskan dalam segenap kluster dan peringkat.

Daya tahan ekonomi tempatan akan kita perkukuhkan. Keterlibatan Malaysia yang proaktif di dalam bidang ekonomi baharu akan terus diperkasakan. Ruang untuk rakyat mendapat akses kepada peluang ekonomi dan pekerjaan yang berpendapatan tinggi akan kita ikhtiarkan dengan bersungguh-sungguh.

Komitmen kami, dalam aspek ekonomi untuk 5 tahun yang akan datang:

01

Mewujudkan 1 juta usahawan digital dalam tempoh 5 tahun.



02

Memacu negara ke arah **Revolusi Industri 4.0** untuk mencerakin data besar dalam perencanaan dasar awam dan menentukan halatuju teknologi tuntas.

03

Merealisasikan sasaran sumbangan **ekonomi digital** sebanyak **25%** kepada KDNK menjelang 2023.

04

Menyemarak industri berteknologi tinggi melalui peningkatan pelaburan langsung asing dalam sektor tertumpu untuk mencipta lebih banyak pekerjaan berkemahiran tinggi.



05

Mempertingkat produktiviti usahawan, pereka baru dan syarikat pemulaan dengan penubuhan pelbagai agensi fasilitasi seperti **PlatCOM**.

06

Memacu dasar **Ekonomi Hutan** berteraskan pengurusan mampan untuk menjana pendapatan melalui aktiviti hiliran, industri perubatan, ekopelancongan dan produk berasaskan sumber semulajadi.



07

Menjhadkan Ekonomi Halal sebagai pemacu pertumbuhan ekonomi negara dengan peruntukan sebanyak **RM1 bilion** melalui **Dana Pembangunan Halal**.

08

Memperluas amalan **waktu kerja fleksibel** di sektor awam dan menawarkan insentif kepada syarikat-syarikat yang mengadaptasi sistem tersebut.



09

Memperkukuh pencapaian keseluruhan ekonomi negara di mana **agihan pampasan pekerja** kepada KDNK setinggi **40%**.

10

Menyasarkan sektor perkhidmatan untuk menyumbang sebanyak **60%** kepada KDNK.

11

Mempertingkatkan perbelanjaan kasar negara untuk ikhtiar penyelidikan dan pembangunan (R&D) kepada **3%**.

12

Mengurangkan defisit fiskal dan nisbah hutang kepada KDNK untuk menambahbaik kedudukan penarafan kredit antarabangsa negara.

13

Menyemak semula **kadar cukai pendapatan individu** dan **korporat** bagi memastikan Malaysia kekal kompetitif dalam pasaran serantau.



14

Memperkasa sumbangan **Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS)** kepada ekonomi negara melalui transformasi digital dengan menyediakan geran dan peluang jaminan kredit bagi memperluas akses pasaran baru antarabangsa.

15

Melaksanakan dasar keselamatan makanan demi memastikan akses makanan yang mencukupi, selamat dan berkhasiat. Pada masa yang sama, ia mampu mengurangkan import makanan negara.

16

Merealisasikan potensi sebenar **industri kreatif** sebagai sumber baharu pendapatan negara dengan memperluaskan platform dan dana kepada penggiat industri.

17

Mentransformasi sektor pertanian ke arah industri berpendapatan tinggi dengan menggunakan teknologi terkini seperti pertanian menegak untuk meningkatkan pengeluaran makanan negara.

18

Mengurangkan kebergantungan pekerja asing kepada **15%** daripada keseluruhan keupayaan tenaga kerja negara.



20


Mendorong perniagaan berasaskan trak makanan dengan mewujudkan kawasan khas dan program untuk modifikasi kenderaan.

19

Menderaskan pertumbuhan **sektor hiliran industri minyak** dan **gas** bagi mewujudkan lebih peluang kepada negeri-negeri pengeluar minyak.

21

Mengintegrasikan data usahawan-usahawan Bumiputera yang menerima inisiatif Kerajaan berdasarkan platform **Teraju Xchange**.



22

Mempercepat pembangunan kawasan seluas 150 ribu hektar - **Malaysian Vision Valley** - yang dijangka bakal mewujudkan **1.3 juta peluang pekerjaan**.



23

Mewujudkan zon industri mampan secara mengenalpasti lokasi pelaburan baharu dan pemindahan tapak industri sedia ada.

24

Mempertingkatkan literasi kewangan dengan memperluaskan program AKPK dan memperkenalkan modul literasi kewangan di sekolah-sekolah menengah.

25

Meneraju ikhtiar untuk menentang **diskriminasi** dan **kempen anti-minyak sawit** yang sedang berlaku di Eropah.

26

Mewujudkan zon ekonomi baharu di kawasan sempadan dengan membangunkan Kompleks Imigresen, Kastam dan Kuarantin (CIQ) dan kawasan-kawasan ketersambungan jalan raya.



**PERUMAHAN
KEPERLUAN
RAKYAT**

3

Itizam kami adalah agar setiap keluarga mampu tinggal dalam rumah yang selesa, sama ada secara milik sendiri atau menyewa.


Sejak 2011, kami telah memperkenalkan pelbagai program dan skim bagi menjayakan hasrat ini seperti, Program Perumahan Rakyat, Rumah Mesra Rakyat 1Malaysia, Rumah Idaman Rakyat, Perumahan Rakyat 1Malaysia (PR1MA), Rumah Wilayah Persekutuan (RUMAWIP), Perumahan Penjawat Awam 1Malaysia (PPA1M), Skim Rumah Pertamaku dan skim MyDeposit.

Inisiatif-inisiatif perumahan negara merangkumi, tetapi tidak terhad kepada pembinaan rumah mampu milik, menggalakkan ekosistem penyewaan rumah berpatutan dan meneraju pemilikan rumah secara sewa-untuk-beli.

Justeru dalam tempoh 5 tahun mendatang, kami bertekad untuk meneruskan usaha ini dengan:

01

Menubuhkan sebuah bank khusus untuk memfasilitasi pinjaman perumahan mampu milik dan perumahan kos rendah berharga **RM300,000 ke bawah**.



02

Menyediakan insentif cukai atau dana pembangunan bagi menggalakkan bank dan pemaju perumahan untuk menawarkan **skim sewa-untuk-beli**.



03

Mewujudkan sebuah entiti tunggal untuk menyelaraskan keseluruhan **inisiatif-inisiatif perumahan mampu milik**, termasuk pemantauan pembinaan.

04

Menyediakan Skim Bantuan Sewa Perumahan Awam
bagi membantu penyewa dalam kategori miskin dan orang kelainan upaya.

05

Membangunkan kuarters, bangunan dan tanah Kerajaan yang tidak diutilisasikan secara optimum untuk membina rumah mampu milik dan pembangunan bercampur-campur.

06

Membuka peluang kepada pesara Kerajaan dan anak-anak mereka untuk membeli unit **Perumahan Penjawat Awam 1Malaysia (PPA1M)** yang berharga RM150,000 - RM300,000.

Mewujudkan kuota sebanyak 10,000 unit **PPA1M** kepada anggota PDRM.

07

Membina lebih banyak **rumah komuniti FELDA** terutamanya untuk generasi kedua dan ketiga.

08

Melanjutkan tempoh pengecualian duti setem untuk projek perumahan terbengkalai yang sedang berada dalam proses pemulihan.

09

Menambah jumlah Rumah Transit Belia 1Malaysia untuk memberi kemudahan kepada belia yang baru memasuki alam pekerjaan.



10

Membina lebih banyak projek perumahan mampu milik dan kos rendah di tanah rizab Melayu, wakaf dan baitulmal yang terbiar.

11

Meningkatkan kapasiti Program Bantuan

Rumah yang bertujuan membaiki rumah-rumah daif di kawasan-kawasan luar bandar.

12


Menaiktaraf rumah panjang di Sarawak, rumah air di Sabah, rumah Orang Asli dan rumah pekerja estet di Semenanjung.

13

Menyediakan dana khas untuk Badan Pengurusan Bersama (JMB) dan Jawatankuasa Pengurusan Bersama (JMC) untuk tujuan penyelenggaraan bangunan berstrata.

14

Membina semula perumahan rakyat dan perumahan kos rendah berusia lebih 20 tahun dengan menggunakan teknologi hijau dan konsep moden.



15

Meningkatkan had tuntutan di bawah kuasa Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata (TPPS) daripada RM50,000 kepada **RM100,000**.

16

Memperluaskan kuasa Kerajaan untuk menghidupkan semula projek perumahan terbengkalai dari had asal RM70,000 kepada RM120,000. Ini akan membabitkan 21 projek terbengkalai dan 2,794 unit dengan peruntukan sebanyak RM123 juta.

17

Membantu pembeli-pembeli 50,000 unit rumah yang menjadi mangsa kepada pemaju perumahan tidak berlesen.

18

Mewajibkan Indeks Prestasi Utama (KPI) ke atas pembinaan Rumah Mampu Milik oleh syarikat-syarikat pemaju perumahan yang mendapat pelaburan Kerajaan.

19

Mengkaji semula struktur caj utiliti yang dikenakan oleh Telekom, Indah Water dan Tenaga Nasional Berhad ke atas pemaju perumahan untuk **mengurangkan kos pembinaan rumah.**

20

Menubuhkan tribunal penyelesaian konflik untuk meleraikan sebarang pertikaian membabitkan isu perumahan awam.

21

Melancarkan Perbadanan Pengurusan Perumahan Awam Negara (3PAN) bertujuan untuk mengawal selia, mengurus isu-isu perumahan awam dari segi kualiti perumahan, keperluan semasa dan menentukan kelayakan menduduki.



22

Menamatkan polisi diskaun lot Bumiputera untuk hartanah bernilai RM1 juta dan ke atas.



**PEMACUAN
MODAL INSAN,
KECEMERLANGAN
PENDIDIKAN**



Prakarsa pembangunan modal insan dan pendidikan di Malaysia perlu dirangka sesuai dengan tuntutan masa dan zaman.

Malaysia memerlukan pelan yang holistik dalam membangun potensi anak sekecil 5 hingga 6 tahun, mewibawakan sistem pendidikan rendah dan menengah, memperkasa TVET dan beriltizam mendaya ekosistem universiti yang dinamik, bersesuaian dengan keperluan Revolusi Industri 4.0.

Komitmen jelas untuk memperkasa strategi modal insan dan pendidikan ini adalah penentu masa hadapan Malaysia. Langkah dan inisiatif Kerajaan menjadi garis ukur terbaik untuk menilai usaha menyiap siagakan rakyat menghadapi persaingan kreativiti, daya fikiran dan kemahiran yang semakin kompetitif.

Dengan mandat rakyat yang jelas, kami akan memberikan tumpuan berikut di dalam aspek pemacuan modal insan dan kecemerlangan pendidikan:

01

Bantuan sekali beri sebanyak **RM1,500** untuk anak-anak penerima BR1M yang mendaftar di pusat pengajian tinggi.



02

5 juta pelajar sekolah akan dilengkapi dengan **kemahiran digital Revolusi Industri 4.0** dalam masa lima tahun.



03

Menaiktaraf semua sekolah daif di seluruh negara dalam tempoh 5 tahun di luar bandar.

04

Memadankan pelajar universiti dan bakal majikan di peringkat lebih awal melalui Jawatankuasa Pemadanan Pekerjaan di bawah program **SLIM 2.0**.

05

Melahirkan pekerja pembinaan berkemahiran tinggi melalui skim latihan dan penawaran kadar upah berpatutan.



06

Mendorong majikan untuk menyediakan pusat penjagaan kanak-kanak dengan insentif khas seperti pelepasan cukai.

07

Menaiktaraf Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) di semua sekolah berkaitan untuk membuka peluang dan potensi pendidikan anak-anak kelainan upaya.

08

Menaikkan had Insentif Khas Geran Sepadan untuk Skim Simpanan Pendidikan 1Malaysia kepada RM1,000.

09

Menyediakan peluang latihan kemahiran dan pekerjaan kepada anak-anak yang kurang bernasib baik.

10

Pemanjangan tempoh pelepasan cukai pendapatan kepada ibu bapa pemilik akaun Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN).



11

Pensaizan wajar bilik darjah dan mengurangkan beban kerja pentadbiran para pendidik serta menyediakan peralatan bantuan mengajar yang lebih baik.

12

Menambah jumlah subjek dalam **Program Dwibahasa (DLP)** agar lebih komprehensif.



Learn
English

13

Mempertingkatkan kemahiran Bahasa Inggeris di sekolah melalui **Program Dwibahasa (DLP), Program Imersif Tinggi (HIP)** dan memperkenalkan **sekolah beraliran Inggeris** di Sabah dan Sarawak sebagai **projek rintis**.

14

Memperkenalkan kad diskaun khas pelajar-pelajar bagi mengurangkan kos pengangkutan, perkhidmatan Kerajaan dan pembelian barangan keperluan pendidikan.

15

Menyediakan insentif kepada graduan berkebolehan dan pesara guru bahasa untuk menyediakan khidmat pembelajaran atas talian.

16

Memperluas pelaksanaan Program Anak Angkat bagi pengukuhan sosio-budaya yang melibatkan pelajar, guru dan kakitangan awam.

17

Mencerap lebih banyak fakta dan perspektif sejarah dari Sabah dan Sarawak untuk memantapkan sukatan pelajaran subjek Sejarah.

18

Membina dan menambah kapasitas asrama untuk pelajar-pelajar luar bandar di seluruh negara.

19

**Meluaskan capaian Internet
berkelajuan tinggi (100Gbps)**
ke semua universiti-universiti awam.

20

Memperuntukkan

sebanyak **RM12 juta** untuk program pendidikan khas masyarakat luar bandar yang menyasarkan penglibatan 615,000 orang peserta.

21

Menyediakan peruntukan sebanyak **RM3 juta** untuk mengendalikan bengkel ilmu keibubapaan di 168 kawasan yang sudah dikenalpasti.

22

Menubuhkan Institut Kajian

Peribumi dan **Penduduk Asli** di Universiti Malaysia Sarawak dan Universiti Malaysia Sabah.

23

Mentransformasi infrastruktur

di universiti-universiti awam untuk mencapai tahap kampus bestari dengan pengenalan transaksi tanpa tunai.



24

Menurunkan kadar keciciran **pelajar-pelajar Orang Asli** di sekolah dan memperbanyak program literasi di luar bandar.

25

Memperkukuh sistem pendidikan pelbagai aliran melalui kelulusan pembinaan baharu mengikut keperluan, peruntukan khas pembangunan dan penyelenggaraan kepada semua sekolah bantuan Kerajaan (SBK), termasuk Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) dan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT).

26

Warganegara yang memiliki sijil peperiksaan luar negara yang setara dengan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) dengan kelayakan memasuki IPT dalam negara, boleh dipertimbangkan untuk memasuki pengajian mana-mana IPT, dengan syarat mempunyai **kepujian dalam mata pelajaran Bahasa Malaysia dan lulus mata pelajaran Sejarah** - syarat tersebut juga diguna pakai dalam isu tentang Unified Examination Certificate Senior Middle (UEC).



**KESELAMATAN
RAKYAT
KEUTAMAAN KAMI**

5

Itizam kami adalah untuk rakyat mampu tidur lena setiap malam tanpa merasa bimbang tentang ancaman keselamatan. Kami akan terus memelihara nikmat kemerdekaan dan keselamatan yang kita kecapai selama ini dengan meningkatkan lagi usaha menangani sebarang ancaman mendatang.

Kedudukan geografi Malaysia menyebabkan negara sentiasa terdedah kepada ancaman pencerobohan sempadan, pemerdagangan imigran, penjenayah rentas sempadan, penyeludupan senjata api, dadah dan kehadiran pendatang tanpa izin.

Kita harus sentiasa bersiap siaga mempertahankan pertiwi agar tiada pihak luar yang mampu mengancam keselamatan negara.

Sejak sebelum Merdeka kami sentiasa berusaha untuk menaiktaraf peralatan keselamatan dan pertahanan negara. Selain peralatan yang berkualiti dan sistem yang moden, kami juga percaya kebajikan dan kesejahteraan pasukan keselamatan dan pertahanan merupakan aset penting dalam mempertahankan kedaulatan negara.

Justeru dalam tempoh 5 tahun mendatang, kami bertekad untuk meneruskan usaha ini dengan:

01

Menambah pos kawalan dan **sistem pemantauan** di sepanjang sempadan Malaysia bagi mencegah kegiatan penyeludupan, pemerdagangan manusia dan ancaman pengganas.

02

Meningkatkan kemampuan kuasa persenjataan pasukan keselamatan di Zon Selamat Sabah Timur (ESSZONE).

03

Mempertingkatkan kawalan keselamatan sempadan darat di Sabah dan Sarawak menerusi Agensi Kawalan Sempadan Malaysia (AKSEM) dan AKSEMNET.

04

Meluaskan peranan khidmat kawalan komuniti **Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA)** bagi mencegah jenayah di zon keselamatan seperti ESSZONE.

05

Meningkatkan kerjasama Kerajaan dengan peneraju industri pertahanan tempatan bagi menghasilkan teknologi pertahanan keluaran Malaysia.

06

Menubuhkan Pusat Operasi Pertahanan Siber (CDOC) di bawah Kementerian Pertahanan bagi tujuan mempertahankan aset-aset penting negara dari serangan siber.

07

Meneruskan usaha mencari penyelesaian konflik serantau terutamanya di Selatan Mindanao, Selatan Thailand dan daerah Rakhine, Myanmar.

08

Meluaskan diplomasi pertahanan serantau dengan negara-negara jiran yang berkongsi sempadan dan pemegang taruh strategik menerusi dialog peringkat tertinggi, pertukaran atase dan latihan bersama.

09

Menyebarkan usaha menentang keganasan dan ekstremisme melalui Gerakan Kesederhanaan Global (GMM).

10

Meneruskan usaha menyebarkan idea keamanan dan kesederhanaan dalam negara dan antarabangsa menerusi penubuhan **Pusat Keamanan Antarabangsa Raja Salman**.

11

Mentransformasi pasukan elit khas PDRM seperti Pasukan Khas Taktikal Perisikan Narkotik (STING), Pasukan Petugas Khas Jenayah Terancang (STAFOC) dan Pasukan Tindakan Khas Anti Maksiat, Judi dan Gangsterisme (STAGG) bagi meningkatkan keberkesanan usaha membanteras pengedaran dadah, perjudian, kongsi gelap dan jenayah terancang.

12

Menambah jumlah kamera litar tertutup definisi tinggi (CCTV HD) di semua kawasan yang banyak berlaku kegiatan jenayah.

13

Memperkasakan agensi-agensi keselamatan dengan keperluan dan kemahiran untuk pencegahan jenayah siber dan kolar putih.

14

Meneruskan geran Komuniti Penduduk 1Malaysia untuk semua persatuan penduduk bagi tujuan pembelian peralatan keselamatan dan program pencegahan jenayah.



15

Meningkatkan kawalan keselamatan di kawasan perumahan awam melalui kerjasama dengan penduduk setempat.

16

Menambah jumlah Rakan Cop dan Polis Bantuan terlatih bagi membantu mencegah jenayah dalam kawasan kejiranan.

A police officer in a high-visibility vest with "POLIS BANTUAN" written on the back, standing in a crowded area. The officer is wearing a dark cap and a dark shirt. The vest is bright yellow-green with reflective strips. The background shows a busy public space with many people walking. There are blue signs with white text and arrows, including one that says "LRT".

POLIS BANTUAN

17

Menambah jumlah anggota **Skim Rondaan Sukarela** bagi meningkatkan kawalan keselamatan dan memelihara keamanan di kawasan yang mempunyai kadar jenayah tinggi.

18

Melaksanakan Sistem Kawalan Imigresen Nasional (SKIN) di seluruh negara bagi memperkukuhkan kawalan sempadan bertaraf dunia.

19

Meneruskan usaha pemodenan PDRM ke seluruh negara sebagai langkah meningkatkan kualiti perkhidmatan.

20

Mewujudkan inisiatif khas bagi meningkatkan peranan pemimpin komuniti dalam membantu Jabatan Imigresen menyelesaikan isu pendatang tanpa izin (PATI).

21

Meningkatkan pembabitan masyarakat dalam pencegahan jenayah menerusi inisiatif PDRM menggunakan aplikasi **Volunteer Smartphone Patrol**.

22

Memastikan semua lokap Polis di seluruh negara dilengkapi dengan kamera litar tertutup berdefinisi tinggi bagi mencegah kes kematian dalam tahanan, bunuh diri dan pergaduhan.



23

Memperkasakan inisiatif Program Rawatan dan Pemulihan Komuniti untuk Penagih Dadah (CRPD) dengan melibatkan Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) dan agensi-agensi Kerajaan yang lain.

25

Membina dan menaiktaraf pusat tahanan PATI di Jawi, Pulau Pinang dan Kemayan, Pahang.

24

Membina Pusat Penjagaan dan Pemulihan Dadah di kawasan strategik dan menaiktaraf pusat-pusat sedia ada.

26

Membina Penjara Khas dengan sistem keselamatan elektronik bersepadu dengan kapasiti 1,000 orang bagi penempatan tahanan di bawah Akta Pencegahan Jenayah (POCA) dan Akta Pencegahan Keganasan (POTA).

27

Meluaskan inisiatif Kempen Perangi Dadah Habis-Habisan 3.0 (PDH 3.0) di 178 kawasan berisiko tinggi dengan pemerkasaan dan sokongan komuniti setempat.



KEBAJIKAN DAN KESEJAHTERAAN ANGGOTA KESELAMATAN

28

Memperuntukkan 1,800 unit rumah dalam program SASaR untuk anggota veteran ATM.

29

Membina 45,000 unit kediaman Rumah Keluarga Angkatan Tentera (RKAT) menjelang 2030.

30

Menaiktaraf peralatan dan kepakaran di hospital-hospital ATM.

31

Mewujudkan Program Bantuan Baiki Rumah Veteran Tentera 1Malaysia (1MVHRPP) dengan sasaran 1,800 anggota bakal menerima faedah ini menjelang 2020.

32

Memperuntukkan 10,000 unit rumah PPA1M untuk anggota polis.

33

Membina 10,000 unit rumah mampu milik Satu Anggota Satu Rumah (SASaR), khusus untuk anggota Angkatan Tentera Malaysia.

34

Menambah jumlah kedai **Perbadanan Perwira Niaga Malaysia (PERNAMA)** untuk kemudahan anggota tentera membeli barang keperluan harian dengan harga yang rendah.

36

Menaiktaraf kemudahan bilik darjah dan bilik guru di 38 sekolah dalam kem tentera.

35

Menaiktaraf prasarana di 9 buah Sekolah Cemerlang dan 2 buah Sekolah Berprestasi Tinggi untuk anak-anak tentera.

37

Membina lebih banyak poliklinik di kem tentera bagi kemudahan 60,000 anggota ATM dan keluarga masing-masing.

38

Meningkatkan jumlah **kuota haji khas** untuk pesara ATM dan PDRM.

39

Menyediakan Skim Pembiayaan Mikro Usahawan Veteran (SPMUV)

bagi membantu pesara-pesara tentera memulakan perniagaan.

40

Melaksanakan Skim Anuiti Veteran


bagi membantu anggota tentera bukan dalam skim pencen agar dapat menerima bayaran bulanan apabila bersara kelak.

41

Membina Hospital Veteran ATM pertama di Malaysia yang bertempat di Ipoh, di mana **300 ribu** orang veteran tentera bakal menerima manfaat.

42

Memberi Bantuan Khas sebanyak RM600 setahun kepada veteran ATM berusia 60 tahun ke atas yang tidak menerima pencen dan BR1M.



**MEMBAHAGIA
DAN
MENJAYAKAN
WANITA
NEGARA**

6

Wanita Malaysia adalah aset penting negara. Pembangunan, kesejahteraan dan kebahagiaan wanita menjadi agenda utama Kerajaan Barisan Nasional.

Istimewanya wanita, dapat merebut peluang yang digariskan di dalam Manifesto Barisan Nasional serta diangkat secara khusus oleh Kerajaan Barisan Nasional dalam merencana agenda wanita negara.

Kerajaan Barisan Nasional akan terus menyediakan dan menyempurnakan ekosistem mesra wanita dan keluarga dalam menentukan wanita Malaysia sebagai insan, ibu, isteri, anak mahupun pemimpin yang bahagia dan berjaya.

NORAINI

Kesinambungan kepercayaan yang diberikan kepada Barisan Nasional oleh wanita, akan diterjemahkan dengan pelaksanaan iltizam seperti berikut:

01

Menubuhkan Majlis Ekonomi Wanita (MEW) yang akan dipengerusikan oleh Y.A.B. Perdana Menteri untuk menentukan halatuju dan pembangunan agenda ekonomi wanita diberi perhatian khusus.

02

Menubuhkan pusat transformasi usahawan wanita di setiap negeri dengan menggunakan model holistik **PASARNITA** yang menawarkan ruang niaga dan melebarkan jaringan perniagaan serta khidmat nasihat keusahawanan selain mempamerkan produk dan jenama.

03

Memudahcara proses pemerolehan pinjaman golongan wanita tunggal dengan memberi kebenaran menggabung pendapatan dengan adik-beradik atau ibu bapa yang layak.

04

Menggalakkan wanita menjana pendapatan kedua dengan memudahkan syarat pinjaman mikrokredit untuk usahawan wanita yang menjalankan perniagaan separuh masa.

05

Mewujudkan Koperasi Wanita yang menawarkan kemudahan simpanan dan pinjaman kewangan untuk mengupayakan kedudukan kewangan wanita Malaysia.

06

Menyemarakkan latihan vokasional/TVET wanita dan ibu tunggal dengan mewujudkan jaringan kerjasama bersama universiti, politeknik dan Institut Kemahiran Mara (IKM).

07

Menambah pendapatan ibu-ibu tunggal B40 melalui latihan tertentu di bawah **Kursus Asuhan PERMATA.**

08

Menggilap potensi ibu-ibu tunggal

melalui program peningkatan kemahiran, latihan semula dan peluang pekerjaan khas.



09

Menjamin sekurang-kurangnya 30% keanggotaan Dewan Negara disandang wanita melalui pindaan Perlembagaan Persekutuan.

10

Memperluas penglibatan dan peluang wanita sebagai pembuat keputusan kepada sekurang-kurangnya **30%** dalam semua sektor.

11

Menggubal Akta Gangguan Seksual untuk melindungi mangsa dari gangguan seksual.

12

Menubuhkan Mahkamah Khas Perkahwinan Hadhanah dan Nafkah bermula di Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan untuk mempercepatkan pendengaran dan penyelesaian kes.

13

Menubuhkan Majlis Kehakiman Syariah Kebangsaan yang dipengerusikan oleh Y.A.B. Perdana Menteri sebagai satu jawatankuasa induk untuk membincang dan menyelaraskan isu-isu berkaitan hal ehwal perundangan dan kehakiman Syariah di Malaysia.

14

Menggalakkan sektor swasta membenarkan ibu-ibu mengandung pulang sejam lebih awal.



15

Memperluas insentif cukai kepada 24 bulan bagi wanita yang kembali semula ke pasaran pekerjaan.

16

Menggalakkan syarikat-syarikat mengamalkan dasar **Keseimbangan Kehidupan dan Pekerjaan** melalui insentif kepada syarikat yang mengamalkan polisi ini.

17

Mengadaptasi skim waktu kerja anjal kepada ibu-ibu yang mempunyai anak berumur 2 tahun ke bawah.

18

Memberikan insentif kepada syarikat yang menyediakan pusat penjagaan kanak-kanak dan fasiliti untuk ibu-ibu yang menyusukan bayi.

19

Membenarkan kakitangan lelaki sektor awam bercuti tanpa rekod selama 10 hari apabila isteri melahirkan anak.

20

Memperuntukkan cuti khas 7 hari setahun kepada wanita yang menjaga anak atau saudara terdekat yang sakit.



21

Melaksanakan polisi Penjagaan Awal Kanak-Kanak Universal (Universal Child Care) dengan memformulasikan kurikulum, program inklusif, pemakanan bernutrisi dan melatih tenaga pengasuh profesional.

22

Mewujudkan Institut

Dadah Negara sebagai khidmat pusat sehati bagi rehalibitasi penagih dadah dan pusat kajian berkaitan penyalahgunaan dadah.

23

Mewujudkan khidmat pusat sehati yang menempatkan pusat jagaan kanak-kanak dan pusat usahawan untuk peneroka FELDA di bawah kelolaan Gabungan Penerokawati FELDA Malaysia di semua penempatan FELDA.

24

Meningkatkan jumlah tawaran **Rumah Transit Belia 1Malaysia** terutamanya untuk wanita muda yang baru memulakan kerjaya.

25

Menyediakan kaunter perkhidmatan khas khusus untuk wanita dan penerima bantuan kebajikan di semua Pusat Transformasi Bandar (UTC) dan Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC).

A large, light gray floral graphic with multiple layers of petals, centered on the left side of the page. A smaller, more detailed blue and white floral graphic is positioned at the center of the larger one.

**GENERASI
MUDA PEWARIS
MASA HADAPAN**



Antara objektif awal program Transformasi Nasional 2050 (TN50) adalah untuk membuka seluas mungkin medan buat generasi muda melakar masa hadapan yang mereka impikan.

Dalam tempoh terdekat, Malaysia harus bertekad untuk menjadi antara negara terkemuka dalam bidang ekonomi, kesejahteraan rakyat dan inovasi.

Semangat kesukarelawanan generasi muda akan menjadi teras utama dalam membentuk hati dan minda yang kental. Manakala ruang dan peluang ekonomi baharu akan terus dicipta untuk mereka.

Pembangunan dan penambahbaikan infra khusus untuk kelompok belia dan remaja akan diperluas ke seluruh negara.

Inilah peneraju Malaysia untuk melangkah ke era Revolusi Industri 4.0 sebagai kumpulan yang progresif, berwibawa dan bersedia untuk mengibar panji Malaysia di pentas dunia!

Khusus untuk generasi muda, kami berikrar untuk melaksana komitmen dan janji yang berikut:

01

Menyediakan anak muda Malaysia berusia di bawah 30 tahun dengan pekerjaan atau latihan bersesuaian untuk mendapat kerja dalam tempoh 6 bulan.

02

Mewujudkan penambahan **50,000** peluang pekerjaan TVET, melalui **TVET Bootcamp** (3 hingga 6 bulan) yang dirangka bersama bakal majikan.





03

Meningkatkan tahap kebolehpasaran graduan melalui latihan amali berstruktur (internship) dan kemahiran insaniah kepada pelajar-pelajar universiti awam.



04

Memperkasa pelajar-pelajar lepasan Maahad Tahfiz melalui program keperantisan dan pepadanan latihan amali berstruktur di syarikat-syarikat berasaskan industri halal.

05

Meningkatkan kebolehpasaran graduan menganggur melalui program **Apprenticeship Malaysia** dalam 5 industri rintis dan akan diperkembangkan dalam industri-industri lain di masa akan datang.

06

Mewujudkan 10,000 peluang pekerjaan dalam keusahawanan sosial melalui dana khas dari syarikat-syarikat berkaitan kerajaan (GLCs).

07

Memperkasa belia yang berkhidmat dalam perkhidmatan awam melalui program **Skim Rentas Kerjaya** bersama syarikat berkaitan kerajaan (GLC), syarikat pelaburan berkaitan kerajaan (GLIC) dan badan berkanun.

08

Memperluas program perantisan dalam syarikat-syarikat berkaitan Kerajaan (GLC).

09

Mewujudkan peluang latihan digital di **Pusat Internet 1Malaysia** bagi menyediakan belia luar bandar untuk pekerjaan alaf baru.

10

Menyediakan pemeriksaan kesihatan rutin tanpa syarat di klinik-klinik kesihatan Kerajaan bagi **anak muda berumur 35 dan 40 tahun**.

11

Meluaskan penggunaan YEN sebagai portal sehenti yang menyelaras semua perkhidmatan, maklumat, peluang dan bantuan untuk usahawan-usahawan muda.

12

Mempertingkat jumlah usahawan belia luar bandar dengan memperluas **Cabaran Perniagaan Luar Bandar (RBC)** di setiap daerah.

13

Meneraju misi pembelajaran sepanjang hayat melalui pemberian insentif untuk membolehkan belia mengambil kelas **Massive Open Online Course (MOOC)** atau membeli perisian kegunaan kerja.

14

Memberi peluang kedua kepada bekas tahanan, bekas penagih dadah dan golongan wanita terlanjur melalui latihan TVET dan penubuhan Tabung Peluang Kedua.

15

Memperkasa peranan belia dalam pembangunan negara dengan mencerna idea dasar baru, segar dan kreatif. Idea dasar terbaik melalui aplikasi **MyCadang** akan dipilih untuk pembentangan bulanan kepada Mesyuarat Jemaah Menteri.

16

Mempertingkatkan penglibatan belia dengan pihak berkuasa tempatan melalui penubuhan **Majlis Belia PBT** yang mampu memperkasa peranan dan suara belia di peringkat Kerajaan tempatan.

17

Menyediakan dana tahunan

untuk setiap idea terbaik daripada anak-anak muda untuk mencapai keseluruhan 10 aspirasi utama dalam **Kanvas Belia TN50**.



18

Memperhebat program **MyLESEN** dengan menyediakan subsidi kepada belia luar bandar yang ingin mengambil lesen motosikal kelas B2.



19

Menganjurkan kelas seni dan program sukan untuk kanak-kanak berusia 12 tahun ke bawah yang tinggal di Projek Perumahan Rakyat dan Projek Perumahan Rakyat Termiskin.

20

Menyampingi usaha generasi muda untuk menerajui perubahan melalui inisiatif sosial, penyediaan dana, pengukuhan latihan dan ikhtiar kesukarelawanan.

21

Melatih belia-belia Orang Asli dengan pengetahuan dan kemahiran untuk menerajui industri hijau dan penjagaan alam sekitar.

22

Meningkatkan jumlah pemberian unit amanah percuma **ADAM50** untuk membantu ibu bapa muda menjamin masa depan yang cerah untuk kelahiran baru.

23

Mengurangkan beban untuk pasangan-pasangan muda yang ingin berkahwin.

24

Membina portal dan **aplikasi e-Riadah** untuk memudahkan penempahan kemudahan rekreasi dan sukan awam, termasuk menawarkan diskaun khas untuk golongan belia.

25

Menaiktaraf kompleks-kompleks Belia dan **Sukan** di seluruh negara yang dilengkapi dengan taman ekstrem, asrama, bilik kuliah, astaka dan trek lumba.

26

Menaiktaraf infra kompleks-kompleks sukan mini di peringkat kejranaan untuk kegunaan generasi muda.



**KESEJAHTERAAN
WARGA EMAS DAN
KELAINAN UPAYA**



Mengikut unjuran Jabatan Perangkaan Malaysia, peratusan jumlah warga emas akan mencecah 15 peratus menjelang 2030. Langkah dan inisiatif jelas mestilah dirangka bermula hari ini dalam memastikan warga emas tidak dipinggirkan daripada arus kesejahteraan negara.

Komitmen Kerajaan dalam memastikan kesejahteraan warga emas dan warga kelainan upaya akan terus dipertingkatkan. Akses pelajar kelainan upaya kepada sistem pendidikan seperti *Permata Kurnia* akan diperluas ke seluruh negara.

Pelbagai insentif disediakan kepada syarikat yang secara sukarela memberi peluang pekerjaan kepada warga kelainan upaya. Keluarga yang mempunyai anak kelainan upaya seperti autisme akan dibantu dengan program intervensi di rumah yang bersesuaian. Kemajuan teknologi akan digunakan sepenuhnya dalam memastikan intervensi awal dapat diberikan kepada keluarga berkenaan.

Justeru dalam tempoh 5 tahun mendatang, kami bertekad untuk meneruskan usaha ini dengan:

01

Memperluas peluang pekerjaan bagi warga kelainan upaya dengan mewujudkan sebuah portal sehenti khas di mana perkhidmatan-perkhidmatan mereka boleh dipasarkan secara atas talian.



02

Menambah keanggotaan warga kelainan upaya dalam pelbagai sektor termasuk menjadi ahli majlis pihak berkuasa tempatan dan Ahli Dewan Negara.



03

Menambah insentif cukai kepada syarikat yang mengambil orang kelainan upaya (OKU) sebagai pekerja.

04

Menyediakan lebih banyak manfaat dan akses kepada pendidikan mampu biaya dan khidmat penjagaan kepada mereka yang berkeperluan khas di setiap daerah.





05

Menyediakan modul khusus untuk intervensi awal keluarga yang mempunyai anak autisme dengan kerjasama pusat **PERMATA**.

06

Membuka keahlian kelab khas dan program komuniti terpilih untuk golongan pesara dan warga emas.





**MEMPERKUKUHKAN
PEMBINAAN NEGARA
BANGSA**

Barisan Nasional percaya pencapaian sesebuah tamadun tidak boleh diukur dari sudut ekonomi semata, tetapi juga harus ditimbang melalui aspek kemajuan ilmu, perkembangan apresiasi seni, sastera, budaya dan ketinggian akal budi sesuatu bangsa.

Justeru sejak berdekad lama, kami telah berusaha membina negara bangsa yang melambangkan ketamadunan ilmu dan nilai kemanusiaan yang tinggi.

Objektif ini direalisasikan dengan membentuk fokus kepada soal kebajikan rakyat, kesukarelawan, perpaduan antara kaum dan keadilan untuk semua.



Justeru dalam tempoh 5 tahun mendatang, kami bertekad untuk meneruskan usaha ini dengan:

01

Meneruskan pemberian dana kepada semua institusi agama berdaftar bertujuan untuk melaksanakan program-program persefahaman dan keharmonian di kalangan rakyat.

02

Menubuhkan unit khas bukan Islam di Jabatan Perdana Menteri untuk mempromosi dialog kebersamaan dan persefahaman antara kaum.

03

Menubuhkan unit khas badan bukan kerajaan (NGO) di bawah Jabatan Perdana Menteri (JPM) untuk mengeratkan kerjasama antara Kerajaan dan NGO dalam merealisasikan agenda pembangunan negara.

04

Hak-hak Sabah & Sarawak di bawah Perjanjian Malaysia 1963 akan direalisasikan secara konsensus.

05

Menggugurkan terma “lain-lain” di bawah pilihan segmen kaum dalam sistem permohonan atas talian Kerajaan.

06

Menstruktur semula bantuan kebajikan kepada golongan yang memerlukan menurut jumlah, kekerapan dan keutamaan berdasarkan keperluan unik individu dan kos sara hidup setempat.



07

Memperkasa sukarelawan negara melalui sistem pendaftaran awal dan latihan khusus bagi menseiapa siaga mereka menghadapi bencana secara lebih efektif.

08

Menubuhkan Tabung Bantuan Bencana Negaraku untuk menyelaraskan semua sumbangan individu dan korporat bagi saluran dana bencana negara yang lebih tersusun.

09

Meremajakan komuniti Rukun Tetangga agar tampak lebih muda, bertenaga dan inklusif dengan menasarkan **30%** golongan belia dalam kepimpinan jawatankuasa Rukun Tetangga.


10

Menaiktaraf Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (ASWARA) kepada **Universiti P. Ramlee** bertujuan untuk memacu industri kreatif dan kebudayaan di Malaysia.



11

Meningkatkan bilangan pelajar pelbagai kaum untuk menyertai **Program Latihan Industri Perpaduan (PLIP)** kepada **1,000** orang.



12


Meneruskan bantuan kemanusiaan untuk penduduk di kawasan konflik Semenanjung Gaza, Tebing Barat, Syria, Yemen dan Rakhine.



10



**MENGUTAMA
KESEJAHTERAAN
SOSIAL DAN
KUALITI HIDUP
RAKYAT**



Kesejahteraan hidup warga Malaysia adalah paksi terpenting di dalam strategi pembangunan negara. Kualiti dan kesejahteraan hidup rakyat perlu dilihat semula dengan lebih holistik. Bidang tumpuan akan diperluas sesuai dengan keperluan rakyat. Kesejahteraan hidup adalah konsep yang cukup luas, merangkumi pelbagai aspek kehidupan manusia seperti ekonomi, psikologi dan sosial.

Tidak ada satu set indikator yang sempurna dalam menilai tahap kesejahteraan rakyat. Yang lebih penting, perlu ada usaha berterusan untuk menilai elemen kesejahteraan rakyat melalui perspektif ekonomi dan sosial.

Ia merangkumi aspek seperti kebudayaan, alam sekitar, keharmonian keluarga, tadbir urus, kesihatan, perumahan, pengagihan pendapatan, keselamatan awam, penyertaan sosial dan persekitaran kerja.

Justeru dalam tempoh 5 tahun mendatang, kami bertekad untuk meneruskan usaha ini dengan:

01

Merealisasikan pengedaran Euro5 di seluruh negara dalam tempoh 5 tahun lagi ke arah penggunaan diesel yang lebih bersih.

02


Memperhebat Program Pemantauan Kualiti Alam Sekitar (EQMP) melalui usaha penapisan pencemaran zarah terapung, penguatkuasaan aktiviti dan perancangan projek-projek pembangunan agar udara lebih segar dan bersih untuk rakyat.

03

Memperkenalkan Undang-undang Air melalui pengaplikasian Sistem Pengurusan Pusat Bersepadu Kebangsaan demi menjamin akses air bersih untuk rakyat.

04

Memperhebat pemeliharaan flora dan fauna, perlindungan hutan, biodiversiti kehidupan marin dan hidupan liar dengan memperkenalkan undang-undang baharu pemuliharaan dan pengurusan hutan yang mampan.



05

Memastikan keseimbangan antara pembangunan sosio-ekonomi, pemuliharaan dan perlindungan alam sekitar, agar hasil kekayaan hutan negara dapat memberi manfaat kepada masyarakat dan dilindungi melalui Akta Akses Kepada Sumber Biologi dan Perkongsian Faedah 2017.

06

Merealisasi Malaysia sebagai negara **Ekonomi Hijau** melalui penurunan emisi karbon dan menjana tenaga melalui sumber boleh diperbaharui.

07

Menggalakkan sektor swasta untuk terus menyumbang kepada pembangunan zoo, kawasan perlindungan hidupan liar dan pengindahan taman awam melalui kempen kutipan derma dan dana kerajaan.

08

Menyediakan perkhidmatan pembuangan sampah dan pembuangan sisa pepejal yang lebih efisien khususnya di kawasan-kawasan luar bandar.

09

Membina lebih banyak **taman poket** di bandar-bandar seluruh negara.



10


Memaju dan **mempertingkatkan** perkhidmatan kesihatan luar bandar melalui penambahan tenaga pakar, hospital dan Klinik 1Malaysia (K1M).


11

Memperkukuh kemampuan Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga dengan memperluaskan konsep **Pasukan Doktor Keluarga Percuma** untuk penghidap penyakit kronik.

12

Menambah perkhidmatan bantuan kesihatan seperti hemodialisis, dana bantuan rawatan dan perkhidmatan kesihatan pesara.





13

Menaiktaraf dan membangun hospital dan klinik kesihatan baharu dengan penambahan anggota **Pasukan Medik Bergerak.**

14

Memperkemas perkhidmatan kesihatan dan pergigian kepada warga emas dan pesakit terlantar melalui lawatan rumah ke rumah.

15

Mempermudah sistem urusan kesihatan melalui kaedah atas talian, termasuk proses pendaftaran, penetapan tarikh temujanji, kes rujukan dan rawatan.





16

Mengangkat status nutrisi kanak-kanak berusia 6 bulan hingga 6 tahun di kalangan keluarga miskin tegar.

17

Menyusun program dan inisiatif baharu yang lebih berkesan dalam menangani isu kesihatan mental.

18

Mempertingkatkan kecekapan perkhidmatan kecemasan dan ambulan.

19

Mempertingkatkan kewibawaan pakar dan keupayaan teknologi di Unit Kawalan Penyakit Berjangkit.

20

Memperkasa Program Komunikasi Untuk Perubahan Tingkah Laku (COMBI) dan Program Komuniti Sihat Perkasa Negara (KOSPEN) ke seluruh negara.

21

Memperkasa kesiap siagaan menghadapi banjir melalui pelaksanaan 69 projek **Rancangan Tebatan Banjir (RTB)** di seluruh negara dengan kos sebanyak **RM8.57 bilion**. Hampir **1.5 juta** rakyat akan menerima manfaat daripada inisiatif ini.

22

Memperkenalkan pusat penjagaan **dwi-fungsi** untuk kanak-kanak dan warga emas.



23

Membantu pusat transit dan memperluaskan program bantuan makanan kepada kumpulan gelandangan.

24

Meneruskan subsidi bil elektrik bulanan kepada lebih **1 juta** pengguna.

25

Memberikan insentif cukai individu sebanyak **RM1,000 setahun** untuk mereka yang menyumbang ke arah pemerkasaan seni budaya negara.

26

Memberi dana sebanyak **RM3 juta** kepada Tabung Kebajikan Penggiat Seni (TKPS) pada setiap 5 tahun.

27

Menyediakan geran sebanyak **RM5 juta** setiap lima tahun kepada penggerak badan warisan.

28

Memperkaya usaha pemekaran seni budaya dalam masyarakat melalui penyediaan lokasi seperti Wisma Kesenian & Kebudayaan.



29


Mewujudkan dana kebajikan sebanyak **RM10 juta** untuk membantu kumpulan budaya dan industri kreatif.

30

Mempertingkatkan jumlah geran mikro pengkaryaan Content Malaysia Pitching Centre kepada **RM10,000** berbanding paras sedia ada berjumlah RM5,000.

31

Menilai semula bajet produksi dan pengisian untuk stesen-stesen televisyen swasta.



A close-up photograph of an elderly hand holding a black chess piece, likely a king or queen, over a chessboard. The background is a soft-focus outdoor scene with greenery and a body of water. The chessboard is partially visible in the foreground, showing several other pieces, including a white knight and a white pawn.

32

Mentransformasi kawasan tinggalan dan bangunan usang untuk dijadikan ruang rekreasi komuniti.

33

Mewujudkan sekurang-kurangnya satu **Pusat Internet** di setiap kawasan Dewan Undangan Negeri untuk kegunaan masyarakat setempat dengan kelajuan minima **20 mbps**.

34

**Memperluas rangkuman hebahan Pusat
Ramalan Amaran Banjir Negara (PRABN)**


kepada **3.4 juta** penduduk di seluruh
negara menjelang 2022.



11



**MEMBINA
INFRARAKYAT DAN
MENINGKATKAN
KESALINGHUBUNGAN**



Sejak beberapa tahun lalu kami telah membuat perubahan penting dalam falsafah pembangunan negara. Jika sebelum ini pembangunan negara bercorak pemusatan di bandar-bandar utama pantai barat dan kemudiannya melebar ke kawasan sekeliling, kini pembangunan negara bergerak setara dari Perlis sampailah ke Sabah.

Sejak 2009, kami telah mengenal pasti 13 projek infrarakyat berimpak tinggi di seluruh negara bagi melimpahkan kemakmuran rakyat. Sebahagiannya kami ulangi dalam komitmen lima tahun mendatang kerana merupakan projek yang masih dalam pembinaan.

Kami juga tidak melupakan projek infra keperluan rakyat seperti jalan kampung, jambatan, lampu jalan dan projek pembentungan. Projek-projek ini mungkin kecil kepada pertumbuhan ekonomi tetapi amat bermakna dalam mensejahterakan rakyat.

Justeru dalam tempoh 5 tahun mendatang, kami bertekad untuk meneruskan usaha ini dengan:

01

Menaik taraf Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang, Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi, Lapangan Terbang Kota Bharu dan Lapangan Terbang Sandakan yang membabitkan peruntukan sebanyak **RM1.3 bilion**.

02

Membina Lapangan Terbang Mukah dan Lawas yang membabitkan peruntukan sebanyak **RM758 juta**.

03

Membina Sistem Transit Rapid (RTS) yang menghubungkan Johor Bahru dan Singapura.

04

Membina Kereta Api Berkelajuan Tinggi
Kuala Lumpur-Singapura (HSR).

05

**Membina Landasan
Kereta Api Pantai
Timur (ECRL)**

dari Pelabuhan Klang
ke Pengkalan Kubor.

06

Membina Landasan Berkembar Gemas-Johor Bharu.

07

Menaiktaraf landasan berkembar Lembah Klang meliputi kerja-kerja membaik pulih landasan sepanjang **42KM**.

08

Membina sebuah pelabuhan moden bertaraf dunia di Pulau Carey sebagai hab maritim terkini dengan pelaburan sebanyak **RM200 bilion**.

Ini akan memacu Malaysia agar kekal kompetitif dalam industri perkhidmatan pelabuhan di rantau ini.

09

Membina landasan kereta api elektrik dari **Subang Jaya ke Terminal Skypark Subang** sebagai sebahagian proses integrasi pengangkutan jalan rel.

10

Menaiktaraf infrastruktur pengangkutan di Pulau Labuan melalui pembinaan jambatan dan menambah pelantar feri untuk menarik pelabur dan pelancong.

11

Menyiapkan Lebuhraya Pantai Barat dari Banting ke Taiping menjelang 2020.

12

Menaiktaraf fasiliti jeti, terminal dan Kompleks Imigresen, Kastam dan Kuarantin (CIQ) Pulau Langkawi dengan peruntukan sebanyak **RM86.5 juta** untuk menarik lebih ramai pelancong dan pelaburan asing.

13

Membina dan menaiktaraf jambatan-jambatan di kawasan kritikal seperti di Batang Lupar, Temerloh, Kota Tinggi dan Batang Kali.

14

Membina Kompleks Imigresen, Kastam dan Kuarantin (CIQ) di Tebedu, Sarawak dan Kalabakan, Sabah bagi menggalakkan pertumbuhan ekonomi dan meningkatkan tahap keselamatan kawasan sempadan.

15

Meluaskan kawasan liputan **Saluran Paip Pelbagai Produk Petroleum (MPP)** sepanjang **600KM** bagi meningkatkan kecekapan pengedaran di Semenanjung Malaysia.

16

Membina lebuhraya Laluan Lingkaran Tengah yang menghubungkan Kelantan, Pahang dan Negeri Sembilan bertujuan untuk mengurangkan kesesakan lalu lintas serta memacu pertumbuhan ekonomi baharu di Koridor Ekonomi Pantai Timur.

17

Meningkatkan jaringan pengangkutan awam Lembah Klang dengan pembangunan **Sistem Aliran Transit Ringan (LRT)** fasa 3 dan **Sistem Aliran Transit Massa (MRT)** fasa 3.



18

Membina saluran paip gas asli sepanjang **140KM** dari Ayer Tawar ke Ipoh.

19

Mewujudkan pembangunan bandar baharu moden dan hijau di sepanjang jajaran pengangkutan awam seperti ECRL, HSR dan Landasan Berkembar Gemas-Johor Bahru.

20

Mewujudkan Sistem Pengangkutan Pintar (ITS) bersepadu yang merangkumi setiap jenis pengangkutan dan trafik di seluruh negara.

21

Meluaskan liputan bekalan elektrik di Sabah dan Sarawak dengan peruntukan sebanyak **RM2.3 bilion.**

22

Menyiapkan pembinaan **Lebuhraya Pantai Timur** fasa 3.

24

Menaiktaraf jalan dan penyuraian trafik di pelabuhan-pelabuhan sedia ada bagi mengawal kesesakan dan meningkatkan perdagangan.

23

Menaiktaraf gerabak perkhidmatan Kereta Api Elektrik (ETS).

25

Membina Pelabuhan Darat Perlis (PIP) di Lembah Chuping untuk meningkatkan kemampuan mengendalikan **2 juta kontena** (TEUs) setahun.

26

Membina Saluran Paip Gas Trans Sabah (TSGP) bernilai **RM4.3 bilion** yang bakal menstabilkan bekalan elektrik dan memacu pembangunan ekonomi Sabah.

27

Membaik pulih gerabak dan lokomotif KTM.

28

Membaik pulih infrastruktur landasan dan jambatan keretapi Pantai Timur.

29

Menaiktaraf laluan kereta api Sabah dari **Halogilat ke Tenom.**

30

Menaiktaraf dan menyelenggara jalan persekutuan secara berkala sebagai alternatif kepada lebuh raya bertol.

31

Menggalakkan penggunaan elektrik secara optimum melalui pemasangan **meter pintar** dan **lampu LED** yang bakal dimanfaatkan oleh **8.5 juta** pengguna di seluruh negara.

32

Meningkatkan penggunaan bas elektrik secara berperingkat bagi mengurangkan emisi karbon dioksida.

33

Memperkukuhkan jaringan pengangkutan dan kesalinghubungan di Sabah dan Sarawak dengan menaiktaraf **12,500KM jalan luar bandar.**

34

Menaiktaraf sistem pengairan dan saliran di **143** lokasi untuk meningkatkan pengeluaran padi di seluruh negara.

35

Mewujudkan 3 skim pembentungan di Sabah.

36

Menaiktaraf 422KM jalan di dalam kawasan-kawasan FELDA.

37

Membina dan **menaiktaraf** jalan ladang bagi tujuan meningkatkan akses ke kebun-kebun kecil meliputi jarak sepanjang **830KM**.

38

Memperhebat agenda kesalinghubungan antara kawasan-kawasan luar bandar melalui pembinaan **383 jambatan kecil** di seluruh negara.

39

Menambah lampu jalan di dalam kawasan-kawasan penempatan FELDA.

40

Menaiktaraf 18 buah pasar ikan sedia ada di seluruh negara.

41

Menaiktaraf 419KM sistem pembentungan di kawasan-kawasan FELDA.

42

Membina 4 loji Rawatan Kumbahan Wilayah dan Rangkaian Paip Pembentungan di Semenanjung.

43

Menambah tanda, garisan dan lampu jalan di kawasan-kawasan FELDA meliputi **1,240KM** untuk meningkatkan tahap keselamatan jalan raya.

44

Membina Loji Rawatan Pembentungan Wilayah di Tunjong, Kelantan merangkumi 34.9KM saluran paip pembentungan, yang bakal memanfaatkan 300,000 penduduk.

45

Membina 2 Loji Rawatan Kumbahan Wilayah dan Rangkaian Paip Pembentungan, dan 5 Loji Enap Cemar di Sarawak.



46

Membina lebih banyak **Pusat Transformasi Bandar (UTC)** dan **Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC)** di seluruh negara bagi meningkatkan kecekapan sistem penyampaian Kerajaan, memudahkan urusan rakyat dan membantu usahawan-usahawan kecil.

47

Menaiktaraf jalan di kawasan sawah sepanjang **623KM** bagi memudahkan pengangkutan padi.

50

Memasang lebih banyak lampu jalan di kawasan-kawasan luar bandar dengan peruntukan sebanyak **RM100 juta**.

48

Membina 20 buah pasar ikan di seluruh negara.

51

Menyediakan dana sebanyak **RM150 juta** bagi tujuan penyelenggaraan dan penggantian lampu jalan sedia ada di luar bandar.

49

Menaiktaraf 3 buah Kompleks Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM).

52

Meneruskan subsidi **bekalan air** di pedalaman Sabah.

12

A decorative graphic of a stylized flower with multiple petals, rendered in shades of blue and white, positioned to the left of the main text.

**MEMPERKUKUH
AGENDA
BUMIPUTERA DAN
MEMPERTAHAN
KESYUMULAN
ISLAM**

Barisan Nasional merupakan sebuah perikatan politik yang meraikan kepelbagaian kaum, etnik dan agama. Walau demikian, kami tetap menegaskan bahawa asas pembentukan negara ini yang memberi tempat istimewa kepada Bumiputera dan orang Islam, akan terus diperkasa tanpa menzalimi kaum-kaum lain.

Kepentingan Bumiputera jelas termaktub dalam Perkara 153, Perlembagaan Persekutuan. Selain itu, masyarakat Bumiputera juga mewakili seramai 68.6% daripada keseluruhan rakyat Malaysia yang berjumlah 31.7 juta orang. Diunjurkan lagi, jumlah ini akan mencecah 69.1% menjelang 2020, dan akan mencapai 70.7% pada 2030.

Manakala kedudukan Islam sebagai agama Persekutuan akan terus dipelihara tanpa menjejaskan hak dan kebebasan agama-agama lain untuk terus dianuti dan dilindungi oleh Kerajaan.

Justeru dalam tempoh 5 tahun mendatang, kami bertekad untuk meneruskan usaha ini dengan:

01

Menubuhkan Universiti Al-Quran

untuk melahirkan lebih banyak graduan **huffaz** yang mempunyai kepakaran, bukan setakat menghafal Al-Quran tetapi lengkap dengan kepakaran dalam bidang profesional yang lain.

02

Melahirkan 125,000 huffaz yang mempunyai kelayakan dalam bidang profesional seperti sains, matematik dan kejuruteraan.

03

Melengkapkan sekolah-sekolah Tahfiz dengan sistem latihan kemahiran Giat MARA.

04

Meneruskan agenda Transformasi Ekonomi Bumiputera 2.0 bagi memastikan Bumiputera terus memainkan peranan signifikan dalam pembangunan ekonomi negara.

05

Memastikan Malaysia sebagai peneraju industri **halal dunia** di mana Bumiputera menjadi penggerak utama industri.

06

Menubuhkan Jawatankuasa Menyelia Keharmonian Mahkamah Syariah dan Sivil.

07

Menubuhkan Jawatankuasa untuk memperkasa Mahkamah Syariah.

08

Memperkenalkan Perjanjian Jual dan Beli Rumah Patuh Syariah dengan meminda Jadual H dan G, Akta 118 Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Perlesenan). Ini akan menambahbaik sistem perbankan Islam sedia ada.



09

Menstruktur semula bantuan untuk **Orang Asli** melalui pembinaan prasarana supaya kualiti hidup mereka bertambah baik, peluang ekonomi lebih rancak dan sumber pendapatan dipelbagaikan.

10

Meningkatkan kualiti pengurusan ibadah haji dan umrah serta kebajikan jemaah.



11


Mempertingkatkan peranan masjid sebagai pusat aktiviti komuniti Islam melalui **Program Transformasi Masjid**. Para pentadbir dan pengurusan masjid akan diberi latihan dan al-Hafiz akan menerima kenaikan elaun.

12

Menambah jumlah surau yang dibenarkan untuk mengadakan solat Jumaat.

13

Mewujudkan dana khas untuk menaiktaraf pendidikan dan peraturan keselamatan sekolah agama agar memenuhi piawaian kebangsaan.



14

Meningkatkan kualiti dan kepakaran pihak berkepentingan dalam pentadbiran Islam seperti imam, guru KAFA dan takmir, guru agama, pegawai syariah, Hakim Mahkamah Syariah di Akademi Latihan Islamik Malaysia (ALIM) dan Akademi Kehakiman Syariah Malaysia.

15

Menyediakan Kursus Latihan Intensif Bahasa Arab untuk membantu pemegang-pemegang **Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM)** lulus peperiksaan Imtihan Qabul, yang menjadi syarat utama kelayakan pendidikan tinggi di negara-negara Arab.

16

Meneruskan usaha menyokong kemerdekaan negara Palestin dan mengiktiraf Baitulmaqdis sebagai ibu negara rasmi.

13

**TADBIR URUS
YANG BAIK DAN
PENYERTAAN
RAKYAT**

Barisan Nasional percaya penyertaan rakyat dalam membantu Kerajaan membuat keputusan adalah mustahak, memenuhi kehendak masyarakat madani dan konsep Baldatun Toiyyibatun Wa Rabbu Ghafur.

Hampir sedekad lalu kami menegaskan bahawa zaman Kerajaan mengetahui dan menentukan segalanya sudah berakhir. Lalu kami kotakan janji ini dengan membuka lebih banyak ruang partisipasi rakyat dan pemansuhan pelbagai undang-undang yang dianggap represif.

Demi meluaskan ruang demokrasi, kami telah menguatkuasakan Akta Perhimpunan Aman; memansuhkan tiga proklamasi Darurat tahun 1969, Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960, Akta Buang Negeri 1959 dan Akta Kediaman Terhad 1933. Kami juga telah meminda Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984, Seksyen 27 Akta Polis 1967 dan Akta Universiti dan Kolej Universiti.

Penggubalan Akta Perhimpunan Aman 2012 menzahirkan komitmen kami untuk menyuburkan demokrasi supaya lebih mekar. Namun keterbukaan ini harus berlandaskan kebenaran dan kebertanggungjawaban.

Justeru dalam tempoh 5 tahun mendatang, kami bertekad untuk meneruskan usaha ini dengan:



01

Memperkasa ketelusan dengan memperkenalkan mekanisme **Petisyen Awam** untuk setiap isu mustahak. Mana-mana petisyen atas talian yang menerima lebih **30,000** sokongan akan mendapat maklum balas dari Kerajaan.

02

Menuju ke arah **Kerajaan Digital** melalui penambahan aplikasi atas talian demi meningkatkan tahap kecekapan, membasmi rasuah dan meminimumkan ketirisan dalam perkhidmatan awam.

03

Menggubal Akta Berita Palsu bagi menjaga keharmonian dan ketenteraman awam serta kestabilan ekonomi.

FUNDING

PRO

GRANTS

04

Menggubal Akta Dana Politik

bagi memantau sumbangan dan perbelanjaan parti-parti politik di Malaysia.

05

Mewujudkan Ombudsman untuk menyiasat sebarang aduan awam mengenai ketidakadilan dan kelemahan perkhidmatan kementerian, jabatan dan agensi Kerajaan.

06

Meningkatkan ketelusan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dengan mewajibkan siaran langsung setiap kali ahli-ahli majlis bermesyuarat.

07

Mendedahkan laporan audit tahunan PBT untuk tatapan awam.

08

Mewajibkan Town Hall bersama penduduk secara berkala yang akan dilaksanakan oleh Pihak Berkuasa Tempatan.

09

Memperkenalkan aplikasi *iKepoh* untuk membolehkan orang awam membuat aduan kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) melalui telefon pintar.


10

Merealisasikan transformasi PBT dengan mengaplikasikan keterbukaan maklumat, komunikasi serta hubungan dengan orang awam.

11

Menubuhkan Jawatankuasa Terpilih Parlimen

dalam memperhalusi serta memberi maklumbalas mengenai isu-isu kepentingan awam.



14

A decorative graphic on the left side of the page, featuring a large, light grey stylized flower with many petals. In the center of this flower is a smaller, more detailed blue flower with a dark blue center and white outlines for its petals.

**MERAIKAN
PERBEZAAN
MERAPATKAN
JURANG**

Kepelbagaian etnik, kepercayaan dan budaya telah menjadikan Malaysia sebuah negara yang unik. Sejak Merdeka sehingga ke hari ini, Barisan Nasional sentiasa percaya kepada kerjasama dan keharmonian antara kaum, agama dan negeri-negeri di seluruh negara.

Dari Sabah, Sarawak sehinggalah ke Semenanjung, kami percaya keadilan sosial, ekonomi dan pembangunan akan mengeratkan hubungan sesama kita.

Atas semangat yang sama, kami telah melakukan pelbagai inisiatif untuk merapatkan jurang ekonomi demi mengutuhkan pembangunan keharmonian rakyat berbilang kaum, agama dan rentas geografi.

Justeru dalam tempoh 5 tahun mendatang, kami bertekad untuk meneruskan usaha ini dengan:



01

Memastikan perkhidmatan awam negara mencerminkan kepelbagaian etnik dengan berusaha menarik lebih ramai masyarakat **bukan Bumiputera** untuk menyertai perkhidmatan awam.



02

Meningkatkan peratusan pengambilan bukan Bumiputera
ke dalam universiti-universiti awam di Malaysia.



03

Menyediakan peruntukan khas untuk usahawan-usahawan Sabah dan Sarawak dalam inisiatif *carve-out & compete* melalui **Dana Pembangunan Nasional**.

04

Memansuhkan label harga barang mengikut kawasan Semenanjung, Sabah dan Sarawak ke arah **Satu Negara Satu Harga.**



05

Memperhebat Kampung Baru Cina melalui pembinaan lebih banyak kemudahan asas dan prasarana, agar ekonomi kampung dapat terus dijana demi mewujudkan suasana kehidupan penduduk yang lebih selesa dan dinamik.

06

Memperkasa taraf sosioekonomi masyarakat India melalui Unit Pembangunan Masyarakat India (SEDIC) JPM dengan penyaluran dana berterusan, latihan kemahiran, keusahawanan dan pendidikan demi memartabatkan prestasi pencapaian kaum India.

07

Memberikan peruntukan khusus

untuk melatih tenaga pengajar dan keperluan bahan pengajaran Bahasa Iban dan Bahasa Kadazandusun, seterusnya disalurkan ke Unit Bahasa Iban, Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak dan Unit Bahasa Kadazandusun, Jabatan Pendidikan Negeri Sabah.

08

Memberikan peruntukan khas untuk Kursi Kadazandusun di Universiti Malaysia Sabah (UMS) untuk mempergiatkan lagi penyelidikan berkaitan dengan bahasa, budaya dan kesusasteraan Kadazandusun.

09

Menambah jumlah pegawai-pegawai yang berkaitan dengan perkhidmatan Bahasa Iban dan Bahasa Kadazandusun di Kementerian Pelajaran Malaysia, Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak dan Jabatan Pendidikan Negeri Sabah untuk memastikan keberkesanan pelaksanaan pengurusan Bahasa Iban dan Bahasa Kadazandusun.



10

Memperkasa suku kaum Dayak

dengan mewujudkan program khas serta bantuan dana bagi aktiviti menyukat tanah adat, usahawan-usahawan Dayak dan pengajaran Bahasa Dayak. Dalam masa yang sama menyokong usaha Kerajaan Negeri Sarawak dalam melaksanakan program-program di bawah Unit For Other Religions (UNIFOR).


11

Memperkasa Bumiputera Sabah

dengan mewujudkan program khas serta mempertingkatkan bantuan dana bagi aktiviti-aktiviti penyukatan tanah adat, usahawan-usahawan Bumiputera Sabah dan pengajaran bahasa-bahasa etnik Bumiputera Sabah.







DICETAK DAN DITERBITKAN OLEH IBU PEJABAT BARISAN NASIONAL YANG BERALAMAT DI TINGKAT 8,
MENARA DATO ONN, JALAN TUN ISMAIL, 50480 KUALA LUMPUR.